

**NO. SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 8 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8538**

**SOALAN:**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah Pagar Keselamatan  
Antarabangsa akan dibina di sepanjang Sungai Golok, Rantau  
Panjang dan apakah ia diselaraskan dengan pembinaan tembatan  
banjir.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak Kementerian masih meneliti cadangan menaiktaraf pagar keselamatan yang sedia ada dan pembinaan pagar keselamatan baharu di sempadan antarabangsa Negara yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang berminat.**

**Bagi pembinaan pagar keselamatan di sepanjang Sungai Golok, Rantau Panjang, Kelantan, cadangan untuk diselaraskan dengan pembinaan tebatan banjir telah diambilkira. Sehingga kini, keputusan pembinaan pagar keselamatan belum dimuktamadkan lagi.**